

UTARA

## Henti pembalakan di Ulu Muda

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI  
23 JUN 2018



Kon Yeow (tengah) dan Jaseni merasmikan Hari Air Sedunia Pulau Pinang 2018 yang diadakan di Taman Perbandaran Pulau Pinang tadi.

GEORGETOWN - Kerajaan Pulau Pinang bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Kedah dalam memohon pampasan dari kerajaan Persekutuan sebagai ganti 'premium hutan' untuk pembalakan.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, ia berikutan desakan agar Kerajaan Kedah agar memberhentikan pembalakan di Ulu Muda kerana dianggap sebagai ancaman kepada sosio ekonomi di tiga negeri utara.

Menurutnya, hak Kedah perlu diberi perhatian kerana negeri itu memperolehi RM40 juta dari hasil pembalakan.

"Jika kita mendesak dan mahukan pembalakan di Kedah dihentikan, bermakna Kedah kehilangan satu sumber hasil. Oleh itu, kita bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Kedah untuk memohon pampasan yang setimpal daripada kerajaan Persekutuan.

"Isu Ulu Muda bukan lagi isu perhutanan tetapi ia sebagai ancaman kepada sosio ekonomi kepada tiga negeri di utara iaitu Pulau Pinang, Perlis dan Kedah sendiri," katanya kepada media selepas merasmikan Hari Air Sedunia Pulau Pinang 2018 di sini tadi.

Tambahnya, Ulu Muda bukan sahaja hutan simpan tetapi kawasan tadahan air paling penting di kawasan utara.

"Ulu Muda merangkumi 163,103 hektar hutan hujan di Kedah yang menadah 96 peratus air mentah Kedah. Ia turut menadah 70 peratus air mentah Perlis dan lebih 80 peratus air mentah diabstrak oleh Pulau Pinang dari Sungai Muda setiap hari.

"Sekiranya pembalakan di situ tidak dihentikan, maka ketiga-tiga negeri berisiko menghadapi krisis air serantau, melibatkan 4.09 juta penduduk, termasuk beribu-ribu perniagaan akan mengalami kerugian. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tiga negeri ini juga akan terjejas," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa berkata, bagi mengelak krisis air, pihaknya membina rizab rawatan air sebanyak 34.8 peratus.

Tambahnya, PBAPP bagaimanapun tidak dapat membekalkan air terawat yang mencukupi jika tidak dapat mengekstrak air mentah (yang mencukupi) dari Sungai Muda.